

# Sisa kilang jadi punca

*Penyumbang utama kepada pencemaran sungai di Johor*

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

**P**encemaran sungai utama di negeri ini diakui berpunca daripada kegiatan pembuangan sisa kilang sawit dan bahan buangan dari ladang ternakan.

Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, keadaan itu dilihat berterusan kerana masih terdapat kilang yang gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

"Keadaan sungai tercemar ini kebanyakannya berpunca daripada pembuangan sisa kilang sawit dan hasil ladang



Sahrudin (empat dari kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima anugerah kecemerlangan PPNJ pada majlis berkenaan.

ternakan ayam.

"Di Johor ini banyak ladang ayam yang tidak diuruskan dengan betul dan kita sedang kesan cara operasi mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) kali

ke-41 di Hotel Berjaya Waterfront City di sini malam kelmarin.

Sahrudin berkata, usaha mengesan kilang-kilang berkenaan sedang giat dijalankan.

"Kita akan ambil tindakan sewajarnya kerana perkara itu harus diatasi. Sebab itu ingin saya ingatkan kepada PPNJ untuk sentiasa pastikan kilang-

kilang mereka mematuhi SOP.

"Kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan penutupan jika melanggar peraturan kerana perbuatan itu akan memberi kerugian yang besar," katanya.

Ketika berucap pada program berkenaan, Sahrudin berkata, beliau berharap PPNJ lebih proaktif dengan pelbagai pendekatan yang realistik terutama dalam aspek penajaan ekonomi masyarakat setempat.

"Pendekatan turun padang perlu dilakukan bagi meninjau pelaksanaan program dan projek dari peringkat perancangan untuk memahami isu dan permasalahan dihadapi golongan peladang di peringkat akar umbi.

"Pendekatan lain seperti mengenalpasti sumber seperti modal, tanah dan tenaga dalam pertumbuhan ekonomi juga boleh dilakukan," katanya.

## Kilang e-waste haram dihentikan operasi serta-merta

**JOHORBAHRU** - Sebuah kilang sisa elektrik dan elektronik (e-waste) di Machap diarahkan memberhentikan operasi serta-merta setelah didapati melakukan pelbagai kesalahan termasuk beroperasi secara haram dan melakukan pencemaran udara pada Isnin lepas.

Exco Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, Tan Chen Choon berkata, tindakan itu diambil setelah satu operasi penguatkuasaan bersepadu dijalankan ke atas kilang berkenaan melibatkan pelbagai agensi selepas mendapat aduan daripada masyarakat setempat.

"Kilang itu beroperasi tanpa lesen daripada JAS (Jabatan Alam Sekitar) ataupun pihak berkuasa tempatan.

"JAS telah menyita kesemua sisa elektrik dan elektronik yang terdapat di premis berkenaan dan segala peralatan kawalan pencemaran. Kertas siatan juga telah disediakan oleh pihak JAS," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Majlis Daerah Simpang Renggam turut memaklumkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memotong bekalan elektrik manakala Badan Kawal Selia Air Johor (Bakaj) mengambil tindakan menghentikan bekalan air. - *Bernama*